

**TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA
MAJLIS PENGHARGAAN PESARA TAHUN 2011
&
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2010
19 APRIL 2011
9:30 PAGI
DEWAN KOMPLEKS SUKAN BERTAM**

Bismillahirrahmanirrahim.....

Terima kasih, Saudara Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran seberang Perai

**Yang Berusaha Ir Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran Seberang Perai**

Ketua- Ketua Jabatan

Pesara-pesara dan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Wakil-wakil media

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera,

1. Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya maka dapat kita bersama-sama berada di Majlis Penghargaan Pesara Tahun 2011 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2010 di dewan yang mulia ini.

2. Saya difahamkan bahawa seramai 132 kakitangan dari semua jabatan Majlis Perbandaran Seberang Perai akan diberi pengiktirafan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2010. Dalam masa yang sama, majlis ini juga diadakan bertujuan untuk meraikan 87 orang pesara yang terdiri daripada pesara wajib, pesara pilihan serta wakil bagi kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah meninggal dunia di dalam perkhidmatan.
3. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan juga para pesara. Sesungguhnya kejayaan yang telah dicapai oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah hasil kerja keras secara kolektif dan berpasukan yang telah ditunjukkan oleh semua kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai.
4. Justeru, penganugerahan ini adalah pengiktirafan Majlis Perbandaran Seberang Perai terhadap prestasi cemerlang yang telah dipamerkan oleh anda semua sepanjang tahun anda di dalam perkhidmatan.
5. Majlis Perbandaran Seberang Perai sentiasa menekankan aspek mengamalkan budaya kerja berkualiti tinggi di kalangan kakitangan agar kualiti penyampaian perkhidmatan Majlis Perbandaran Seberang Perai dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa. Kecemerlangan sesebuah organisasi tidak bergantung kepada satu pihak semata-mata sebaliknya melibatkan semua peringkat dari pengurusan tertinggi hingga ke peringkat bawahan. Setiap individu dalam organisasi memainkan peranan dan tanggungjawab dalam meningkatkan kecemerlangan sesebuah organisasi. Bak kata pepatah “bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”. Ada kebenaran di sebalik maksud pepatah tersebut, kita semua perlu berganding bahu, tidak kira dari bahagian atau jabatan mana, kita perlu sama-sama proaktif dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Seberang Perai.
6. Dalam usaha Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk “Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan”, penyediaan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada

kehendak komuniti mestilah dipertingkatkan sejajar dengan peredaran semasa. Dalam memastikan kecemerlangan ini dapat diteruskan, warga Majlis Perbandaran Seberang Perai hendaklah mempunyai pelbagai kemahiran atau ‘multiple skills’ supaya dapat melaksanakan tugas dengan lebih cekap dan berkesan. Ingin saya tegaskan, penambahbaikan atau ‘value added’ perlu ada dalam diri setiap warga Majlis Perbandaran Seberang Perai agar dapat memenuhi ekspektasi pelanggan kita khususnya penduduk Seberang Perai.

7. Seperti yang kita maklum. pada 1 Mei 2010 yang akan datang, kita akan menyambut Hari Pekerja. Sesungguhnya sambutan ini merupakan lanjutan tanda keprihatinan pihak kerajaan terhadap kakitangan yang telah banyak menyumbang tenaga dan fikiran untuk kepentingan negara. Walaupun begitu, kita jangan lupa bahawa Hari Pekerja bukanlah semata-mata untuk dirayakan, sebaliknya ia hendaklah dijadikan renungan dan pedoman untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang. Ia turut menuntut agar kita menjadi lebih berdisiplin dan beretika dalam melaksanakan kerja disamping melihat berlakunya peningkatan kualiti serta produktiviti.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Pengurusan perubahan memerlukan kita meningkatkan tahap kompetensi individu dan organisasi. Dalam arus teknologi baru dalam penyampaian perkhidmatan, wargakerja Majlis Perbandaran Seberang Perai hendaklah menguasai kemahiran yang pelbagai dan bersesuaian bagi memantapkan lagi tahap profesionalisme kerja mereka serta mementingkan prinsip “value for money”. Ini dibuktikan bila pengurusan kewangan secara berhemah oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai telah membolehkan prestasi kewangan menjadi bertambah baik.

9. Kita juga tidak boleh menafikan bahawa sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap sangat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan sistem penyampaian. Sejajar dengan hasrat ini, kita sentiasa berusaha untuk mengenal pasti, menilai dan mengkaji semula amalan-amalan kerja masa kini bagi meningkatkan sistem

penyampaian perkhidmatan kita. Bagi maksud ini, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah memutuskan supaya semua wargakerja Majlis Perbandaran Seberang Perai mengamalkan budaya pengukuran prestasi. Ini memerlukan setiap jabatan mewujudkan Petunjuk-petunjuk Utama Prestasi atau Key Performance Indicators (KPI) dan menetapkan matlamat atau sasaran prestasi yang hendak dicapai. Dalam mewujudkan KPI ini, saya mencadangkan supaya tumpuan diberikan kepada proses-proses utama yang mempunyai impak yang besar kepada pelanggan. Sebagai contoh, pelanggan sentiasa memerlukan perkhidmatan yang cekap.

Kepimpinan tidak akan bermakna jika ia tidak berpaksikan kepada pencapaian. Bila rakyat menilai kepimpinan sektor awam dan politik, apa yang ingin diukur oleh mereka ialah pencapaian. Kepimpinan berteraskan pencapaian adalah kemuncak penilaian kepada kepimpinan. Sebab itulah KPI dirangka kerana piawai kepada pencapaian itu perlu ada. Ini akan membolehkan perkhidmatan awam dinilai secara holistik merangkumi penilaian kuantitatif dan kualitatif. KPI ini bukan alat atau kaedah untuk menghukum atau mendera kakitangan awam tetapi sebagai kayu ukur yang objektif terhadap tahap penyampaian. Ingatlah bahawa setiap sen dan ringgit yang kita terima akan dipertanggungjawabkan bukan sahaja didunia ini tetapi juga di akhirat.

10. Salah satu aspek dalam mencapai kecemerlangan dan pelaksanaan tugas adalah kemampuan pegawai atau kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai mengguna dan memanfaatkan ICT sepenuhnya. Saya ingin mengucapkan tahniah semua jabatan yang telah mengambil usaha yang berterusan untuk meningkatkan kualiti dan memudah cara perkhidmatan yang disalurkan kepada rakyat dengan mengautomasikan proses kerja dan penyediaan perkhidmatan secara online.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Kita harus rasa bersyukur, kerana hari ini kita melihat standard kualiti kerja kita semakin meningkat. Walau bagaimanapun, kita tidak seharusnya leka atau berpuas hati dengan apa yang telah kita kecapi. Kita seharusnya

terus berusaha meningkatkan lagi kualiti kerja, agar diiktiraf di peringkat antarabangsa. Hanya bila pentadbiran kita mencapai taraf antarabangsa, barulah Pulau Pinang boleh menjadi bandaraya antarabangsa.

12. Dalam hal ini, saya juga ingin menegaskan di sini, bahawa kita tidak seharusnya berkompromi dalam soal integriti kerana perkara ini amat penting untuk dititikberatkan di setiap peringkat dalam perkhidmatan awam.

13. Saya merasa cukup gembira sebenarnya pada hari ini, kerana kita sekali lagi berjaya mengadakan majlis yang melambangkan pengiktirafan Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada wargakerja dan pencapaian individu cemerlang. Anugerah sebenarnya membawa tanggungjawab dan cabaran baru iaitu bukan setakat mengekalkan kecemerlangan malah usaha-usaha ke arah itu perlu dipertingkatkan bagi menjana idea-idea baru ke arah mencapai tahap yang lebih tinggi. Dalam kita mengejar hasrat ini, kita perlu meningkatkan etika dan integriti bagi mencapai wawasan membentuk Majlis Perbandaran Seberang Perai yang cemerlang dan berintegriti tinggi. Akhir kata, majlis anugerah ini merupakan satu pengiktirafan kepada anggota kerja atas sumbangan mereka yang cemerlang terhadap Majlis Perbandaran Seberang Perai. Kepada penerima-penerima anugerah APC 2010, sekalung tahniah saya ucapkan dan teruskan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti. Kepada yang belum menerima anugerah, jadikanlah mereka ini sebagai contoh dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan dan semoga anda juga suatu ketika nanti akan memperoleh kecemerlangan yang serupa. Walau bagaimanapun, kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun ini diharap agar tidak leka dengan pengiktirafan yang diperolehi sebaliknya terus berusaha menjadi role model di dalam jabatan masing-masing.

14. Bagi bakal pesara serta yang telah bersara pada tahun 2011, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih di atas jasa dan bakti yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan tuan-tuan dan puan-puan. Adalah diharapkan agar anda semua sentiasa dikurniakan kesihatan dan kesejahteraan dalam kehidupan selepas persaraan nanti. Jasa tuan-tuan dan puan, Majlis akan akan sentiasa kenangkan.

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya selesaikan dengan dua rangkap pantun.

- *Kebersihan, tanggungjawab bersama*
Semua warga kerja, janganlah alpa
Anugerah cemerlang, telah diterima
Kekalkan prestasi, tingkatkan usaha

- *Transformasi, nama diberi*
Mengorak langkah, kerja pun senang
Buat yang bersara, muka berseri
Jasa dan baktimu, akan sentiasa dikenang

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.